

200 anggota Pas Melaka keluar parti

MELAKA, Sabtu — Kira-kira 200 orang ahli Pas dari Ranting Parit Melana akan keluar parti beramai-ramai dan menyertai Umno.

Mereka kini sedang menunggu kemasukan bekas Setiausaha Ranting Pas, Encik Ismail Che Ngah mendaftar sebagai ahli Umno cawangan di situ.

Encik Ismail bersama dua orang penyokongnya telah menemui Ketua Menteri, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik dan Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Datuk Haji Md. Di Abdul Ghani di pejabat ketua menteri semalam.

Isytihar

Belliau memberitahu pemberita, pengisytiharan keluar dari Pas itu dibuat di depan Datuk Rahim dan Datuk Haji Md Di petang semalam.

Katanya, kira-kira 200 orang ahli Pas dari ranting Parit Melana yang meliputi kampung Parit Melana, Beringin, Pancur dan Bellimbing dalam akan mengikut jejaknya setelah belliau disahkan menjadi ahli Umno.

Datuk Rahim pula

memberitahu, sepanjang pertemuan itu belliau telah memberikan penjelasan tentang dasar-dasar kerajaan sekarang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia